

## Khutbah Khas Jabatan Penjara Malaysia

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Khutbah khas hari ini bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Penjara Malaysia yang disambut setiap tahun pada bulan Mac. Tahun ini temanya

Peneraju Perkhidmatan Korektif (Pemulihan). Khutbah ini bertujuan untuk mengenali dengan lebih dekat Jabatan Penjara Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Penjara ditakrifkan sebagai tempat atau bangunan penjenayah dikurung sebagai hukuman. Pendekatan mewujudkan penjara sebagai salah satu cara menghukum bukanlah satu perkara yang baharu. Al-Quran sendiri telah menjelaskan dalam Surah Yusuf ayat 33 tentang kewujudan institusi ini dimana Nabi Yusuf Alaihissalam sendiri telah menjadi mangsa hukuman penjara oleh pemerintah pada ketika itu. Allah berfirman:-

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ الْجَاهِلِينَ ﴿٣٣﴾

Yang bermaksud: *Yusuf berkata: "Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku. Dan jika tidak Engkau hindarkan dari padaku tipu daya mereka, tentu aku akan cenderung untuk (memenuhi keinginan mereka) dan tentulah aku termasuk orang yang bodoh."*

Perlu diingat bahawa Nabi Yusuf Alaihissalam dimasukkan ke penjara bukanlah kerana baginda melakukan kesalahan atau kejahatan tetapi disebabkan enggan mengikuti kemahuan pemerintah Mesir ketika itu.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sepanjang 227 tahun, institusi penjara di negara kita telah melakar suka dan duka sejarah yang berlaku di sebalik tembok yang tinggi itu, berjuta

pengalamannya telah dilalui dan disebalik tembok batu ini juga tersimpan 1001 cerita yang tidak mudah dirungkai dengan kata-kata. Pada peringkat awal penubuhannya peranan dan fungsi institusi penjara lebih berbentuk menghukum agar penghuni itu serik melakukan kesalahan.

Sejarah lampau merakamkan penjara digunakan sebagai tempat penderaan dan penyeksaan kepada pesalah sehingga menemui ajal. Negara kita juga tidak terkecuali suatu ketika dahulu ketika zaman penjajahan, institusi penjara dijadikan tempat menahan penentang-penentang penjajah malah ada yang menemui ajal dalam menjalani hukuman tersebut. Pada zaman penjajahan juga penjara dijadikan tempat pelaksanaan hukuman pancung kepada penentang-penentang dan talibarut penjajah.

Konsep tahanan dan penderaan telah di ubahsuai kepada konsep pemulihan. Konsep pemulihan yang dijalankan pada masa kini melibatkan dua pendekatan iaitu dalam penjara dan luar penjara. Pemulihan di dalam penjara berteraskan kepada program pelan pembangunan insan iaitu pembinaan disiplin, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan pergaulan dalam masyarakat, manakala pemulihan diluar penjara adalah melalui Sistem Parol iaitu banduan menjalani hukuman di luar penjara di bawah pengawasan pihak penjara.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Jabatan Penjara Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap sumbangan khidmat bakti yang telah diberikan oleh semua lapisan masyarakat termasuk agensi agama bagi memberi pemulihan yang terbaik kepada para penghuni, banduan dan tahanan dalam penjara.

Tidak dinafikan kewujudan Jabatan Penjara Malaysia sebagai satu organisasi keselamatan yang amat penting dan kritikal, terutamanya dalam mendepani cabaran jenayah era moden yang bersifat global. Pada masa kini Jabatan Penjara Malaysia menahan pelbagai kategori penghuni penjara iaitu banduan dan tahanan. Ia sudah pasti memerlukan kepelbagaian pendekatan pemulihan khususnya melibatkan tahanan yang memberi ancaman kepada negara dan dunia. Antara banduan yang ditahan ialah tahanan radikal di bawah **Akta Keselamatan (Langkah – Langkah Khas)** iaitu SOSMA dan **Akta Pencegahan Keganasan** iaitu POTA serta Akta Pencegahan Jenayah POCA.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) amnya dan Jabatan Penjara Malaysia khususnya sedar bahawa masyarakat menaruh harapan yang tinggi kepada Jabatan Penjara Malaysia untuk memulihkan penghuni, banduan dan tahanan yang menjalani hukuman serta membina sahsiah dan ideologinya. Oleh yang demikian, bagi menjayakan usaha tersebut, seluruh warga kerja Jabatan Penjara Malaysia dan semua pihak diseru agar bersama-sama berganding bahu dan berkerjasama bagi memastikan peranan dan amanah ini dipikul secara bersama supaya mereka insaf dan bertaubat. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Ibnu Majah :

التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ

Yang bermaksud: *Orang yang bertaubat dari dosanya bagaikan orang yang tidak berdosa.*

Mengakhiri khutbah pada hari ini, boleh kita mendapat beberapa pedoman, antaranya:

**Pertama:** Mempersiapkan diri kita, ahli keluarga dan seluruh masyarakat supaya bertaqwa dengan memperbanyakkan amal soleh, melaksanakan semua suruhan Allah dan meninggalkan semua larangan-Nya agar selamat kehidupan dunia dan di akhirat.

**Kedua:** Memastikan diri kita, ahli keluarga dan seluruh masyarakat sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah sebagaimana Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam Surah An-Nisa' ayat 59 yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Yang bermaksud: *“Wahai Orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, kepada rasul dan pemerintah di kalangan kamu.*

**Ketiga:** Jangan memandang hina kepada individu yang telah dijatuhkan hukuman oleh undang - undang, Ingatlah bahawa kita dipandang mulia di sisi masyarakat pada hari ini disebabkan Allah Subhanahu wa-Taala menyembunyikan keaiban kita, justeru berilah mereka peluang dan bantulah mereka untuk berubah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مُتَعَاوِنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوِنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Yang bermaksud: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat perkara kebaikan dan perkara yang mendatangkan Taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَنْعَمِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.